

30 JAN 2003

HONDA-KILANG/I

KILANG BARU PEGOH DIJANGKA MAINKAN PERANAN UTAMA HONDA DI ASEAN

Oleh: Wan Nurzila Abdul Rahman

ALOR GAJAH, 30 Jan (Bernama) -- Honda Motor Co Ltd, salah sebuah syarikat pengeluar kereta terbesar Jepun, menjangkakan kilang pengeluaran barunya yang bernilai RM170 juta akan memainkan peranan penting dalam meningkatkan lagi penonjolannya di pasaran ASEAN.

Honda Motor Co memiliki kilang itu menerusi 51 peratus kepentingan dalam Honda Malaysia Sdn Bhd. Pemegang saham lain Honda Malaysia ialah DRB-HICOM Bhd (34 peratus) dan Oriental Holdings Bhd (15 peratus).

Pengarah urusan kanan dan perwakilan Honda Motor Co Ltd, Katsuro Suzuki, hari ini berkata yang Honda dijangka mempunyai rangkaian pengeluaran automobil yang paling kompetitif dan komprehensif di rantau Asean menjelang akhir tahun 2003.

Ini adalah berikutan pembukaan kilang Pegoh, bermulanya operasi kilang automobil baru Honda di Taiwan juga pada awal tahun ini, peluasan aktiviti Honda di Thailand dan siapnya dua kilang barunya di Indonesia dan Filipina.

"Kami memerlukan persefahaman dan sokongan kerajaan Malaysia untuk menjayakan pembangunan penting ini untuk membolehkan kami menghasilkan model di negara ini yang kemudiannya boleh dieksport ke lain-lain pasaran Asean," kata beliau pada majlis perasmian kilang Pegoh oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kilang baru itu yang dilengkapi dengan sistem pengeluaran yang fleksibel akan bertindak sebagai pemacu penting Honda di Asean, kata Suzuki.

"Kami berazam untuk mengeluarkan komponen bermutu tinggi dan produk yang kompetitif dari segi kos di sini bagi memenuhi kehendak pengguna di dalam dan luar rantau ini," kata beliau.

Terletak dalam kawasan seluas 32 hektar, kilang baru ini dibahagikan kepada tiga zon - kilang utama yang menempatkan kemudahan pemasangan sepenuhnya dan bangunan sampingan, kilang sambungan halaju malar (CVJ) dan pusat pemeriksaan sebelum penghantaran.

Kilang itu juga mempunyai trek ujiannya sendiri yang dibina mengikut standard antarabangsa Honda.

Suzuki berkata, kilang itu yang telah mengeksport komponen-komponen CVJ ke Thailand sejak November tahun lepas, mulai tahun ini akan mengeluarkan 122,000 unit CVJ untuk Honda City, Civic, Accord dan CR-V.

Selain daripada Thailand, CVJ juga akan dieksport ke Indonesia, Filipina, India dan Pakistan.

"Menjelang tahun 2004, Honda Malaysia menjangkakan pengeluaran komponen CVJ akan meningkat kepada 173,000 set kereta setahun, yang akan turut dieksport ke negara-negara seluruh dunia. Ini sekali gus menunjukkan yang kilang ini mempunyai potensi cerah untuk menjadi asas eksport yang penting," tambah beliau.

Menyentuh mengenai pengeluaran kenderaan di kilang baru itu, beliau berkata kapasiti pengeluaran permulaan ialah 20,000 unit setiap tahun tetapi ia secara berperingkat-peringkat akan digandakan kepada 40,000 unit setahun dalam tempoh dua tahun akan datang.

Suzuki berkata kilang Pegoh itu telah direka bentuk dengan sistem pengeluaran yang fleksibel bagi membolehkan keupayaannya ditingkatkan dan pengeluaran model-model baru untuk memenuhi permintaan di masa akan datang.

"Kami juga komited untuk meningkatkan kandungan tempatan dan begitu aktif menggalakkan pengeluar-pengeluar bahagian Jepun untuk menimbangkan cadangan melabur di Malaysia bagi mengeluarkan komponen canggih lain

seperti bahagian elektronik," kata beliau.

Presiden dan ketua pegawai operasi Honda Malaysia, Syed Hisham Syed Wazir berkata syarikat mensasar untuk mengeluarkan 12,000 unit kereta (pelbagai model) dalam tempoh tahun pertama operasi.

"Untuk bulan Januari, kami akan mengeluarkan 250 unit dan ia akan ditingkatkan secara berperingkat kepada 400 unit pada bulan Mac," kata beliau.

Sebelum kilang Pegoh beroperasi, Honda memberi subkontrak pemasangan keretanya kepada Oriental Holdings Bhd.

Syed Hisham berkata Honda Malaysia pada masa ini menguasai sejumlah tujuh hingga lapan peratus agihan pasaran industri automobil di Malaysia.

Antara yang turut hadir pada majlis perasmian kilang Pegoh ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan pengerusi Honda Malaysia Sdn Bhd Tan Sri Saleh Sulong. -- BERNAMA

WNZ MAD FR AA